

**Jerebu Terus Kritikal, PM Isytihar Darurat Di Muar Dan Ledang
Bernama
23 Jun, 2013**

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Keadaan jerebu di beberapa kawasan di selatan Semenanjung hari ini terus kritikal sehingga Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengisytiharkan status darurat di Muar dan Ledang, Johor bagi melindungi keselamatan orang ramai.

Pengisytiharan darurat itu dibuat berikutan keadaan jerebu di kawasan Muar, yang meliputi daerah Ledang, berada pada tahap Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 500 iaitu pada tahap kecemasan atau 'emergency'.

IPU kawasan Muar mencatatkan bacaan IPU tertinggi iaitu 746 pada pukul 7 pagi tadi, menurun ke paras 690 pada pukul 11 pagi dan 507 pada 5 petang.

Muar mula mencatatkan bacaan berbahaya pada Khamis lepas sehinggakan 200 sekolah di kawasan itu diarah tutup buat sementara waktu hingga diberitahu kelak.

Selain Muar, sekolah di Melaka, Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya serta daerah Segamat dan Kuantan turut ditutup esok ekoran masalah jerebu yang semakin meruncing.

Sementara itu usaha untuk pembersihan awan untuk mengurangkan jerebu di negara ini, terutama di Muar dan Ledang, tidak dapat dilakukan kerana cuaca yang kering dan tidak berawan, menurut Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Datuk Halimah Hassan.

Di Indonesia, operasi pemadaman kebakaran hutan dan tanah gambut di Riau melalui kaedah pembersihan awan oleh pasukan menangani bencana negara itu berjaya menghasilkan hujan di Bukit Kapur, Dumai pada Ahad.

Walau bagaimanapun bilangan titik panas yang dikesan melalui imej satelit NOAA-18 di Sumatera, Indonesia semalam meningkat hampir dua kali ganda daripada 64 pada Jumaat lepas kepada 118.

Sementara laporan Pusat Meteorologi Khas Asean (ASMC) di Singapura menunjukkan asap jerebu bertambah tebal dari kawasan kebakaran di Wilayah Riau, Sumatera Tengah, Indonesia, dan tiupan angin di Riau yang mengarah ke timur dan timur laut telah membawa asap daripada kebakaran itu ke beberapa bahagian di Semenanjung Malaysia dan Singapura.

Di Malaysia, selain Muar, dua kawasan di Melaka iaitu Bandaraya Melaka dan Bukit Rambai juga telah menunjukkan peningkatan bacaan IPU berbahaya masing-masing daripada 357 dan 334 pada pukul 7 pagi kepada 373 dan 443 petang ini.

Petang ini, Pelabuhan Klang (Selangor) dan Port Dickson (Negeri Sembilan) meningkat statusnya kepada kategori sangat tidak sihat dengan bacaan IPU masing-masing pada 214 dan 276, berbanding di bawah 200 pada awal hari ini

Sebanyak 14 kawasan mencatat IPU tidak sihat termasuk di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Pahang, Perak, Terengganu dan Negeri Sembilan, sementara 31 sederhana dan dua kawasan iaitu Sandakan dan Tawau di Sabah mencatat kategori baik.

Berdasarkan indeks kualiti, bacaan antara 0 dan 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 ke 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas sebagai berbahaya.

Sementara itu di Singapura, kualiti udaranya menunjukkan peningkatan sejak malam semalam hingga petang ini dengan bacaan Indeks Standard Pencemaran (PSI) pada 76 berikutan perubahan arah tiupan angin sejak malam semalam.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=958185>